



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian)
(Pindaan) 1987**

DR.14/1987

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1987.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Seksyen 2 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1987.

2. Seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “Ordinan Jalan-Jalan Persekutuan 1959” dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan “atau yang ada dalam mana-mana Wilayah Persekutuan”.

Pindaan seksyen 2. Akta 306.

3. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “seksyen 2”, perkataan-perkataan “atau menurut kuasa seksyen 7 (3)”.

Pindaan seksyen 6.

Seksyen
baru 7.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 6, seksyen baru 7 yang berikut:

“Penyerah-
hakan hak
meminta,
memungut
dan
menyimpan
tol.

7. (1) Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, boleh dalam hal-hal yang sesuai, setelah mengambil kira kepentingan orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2, melalui pemberitahuan dalam *Warta* membenarkan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana Menteri fikirkan patut, menyerahkan hak orang yang diberi kuasa itu untuk meminta, memungut dan menyimpan tol kepada mana-mana orang yang ada kepentingan dalam pembiayaan pembinaan, pembinaan semula, peningkatan, pembaikan atau penyenggaraan jalan, jambatan atau feri yang berkenaan (dalam seksyen ini disebut “pemegang serahhak”).

(2) Pemberitahuan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan jangka masa kebenaran itu, yang mana tidak boleh lebih lama daripada jangka masa pemberian kuasa yang dinyatakan dalam perintah yang berkenaan di bawah seksyen 2.

(3) Selama jangka masa kebenaran di bawah subseksyen (1) itu, pemegang serahhak hendaklah disifatkan sebagai orang yang diberi kuasa meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2 bagi penggunaan jalan, jambatan dan feri yang berkenaan dan hendaklah mematuhi seksyen 3, 4 dan 5.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

2. Seksyen 2 (1) Akta itu memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju membina, membina semula, meningkat, membaiki atau menyenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri yang telah atau akan diisytiharkan sebagai jalan, jambatan atau feri Persekutuan di bawah Ordinan Jalan-Jalan Persekutuan 1959 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol bagi penggunaan jalan, jambatan atau feri itu. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen itu untuk meluaskan kuasa Menteri di bawahnya kepada jalan-jalan dan jambatan-jambatan dalam mana-mana Wilayah Persekutuan.

3. *Fasal 4* bertujuan memasukkan satu seksyen baru 7 yang memberi kuasa kepada Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membenarkan penyerahhakan hak orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2 kepada mana-mana orang yang ada kepentingan dalam pembiayaan pembinaan, pembinaan semula, peningkatan, pembaikan atau penyenggaraan jalan, jambatan atau feri yang berkenaan.

4. Pindaan seksyen 6 (*fasal 3*) adalah berbangkit daripada pemasukan seksyen baru 7 itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1421.]